

Miskin tegar 1,663 keluarga dinoktahkan

Kerjasama kerajaan Pusat, Terengganu dipertingkatkan tahap lebih tinggi

Oleh Zatul Iffah Zolkipli, Baharom Bakar dan Ahmad Rabiul Zulkifli
bhnews@bh.com.my

Kuala Nerus: Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, isu kemiskinan tegar membabitkan 1,663 keluarga di Terengganu sehingga 2 Mei lalu akan dinoktahkan dalam tempoh dua bulan.

Perdana Menteri menegaskan, kerajaan optimis menyelesaikan masalah miskin tegar di negeri itu.

Katanya, kerjasama antara kerajaan Pusat dan kerajaan negeri perlu dipertingkatkan ke tahap lebih tinggi.

“Kita bincang dengan Persekutuan dan negeri akan selesai, Insya-Allah. Dengan jumlah tak sampai 2,000 orang, takkanlah dengan seluruh agensi kementerian, pelbagai kementerian dan kerajaan negeri kita tidak boleh tolong 1,000 keluarga supaya selamat daripada kemiskinan yang tegar.

“Maksudnya tak cukup makan, tidak ada pakaian anak-anak, susah untuk beli uniform anak-anak ke sekolah.

“Ini boleh dicapai dengan syarat kerajaan negeri dan Persekutuan bekerjasama sepenuhnya untuk kita kenal pasti jumlah 1,600 keluarga.

“Insya-Allah, di Terengganu kita boleh noktahkan kemiskinan tegar dalam tempoh dua bulan akan datang,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Sambu-

tan Aidilfitri MADANI 2024 peringkat Terengganu di Pekarangan Kompleks Sukan Gong Badak di sini, semalam.

Turut hadir, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof; Menteri Besar, Datuk Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar dan Menteri Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Johari Abdul Ghani.

Pupuk semangat muhibah

Johari berkata, penganjuran majlis yang dihadiri kira-kira 15,000 pengunjung itu bertujuan memupuk semangat muhibah dan perpaduan dalam kalangan masyarakat.

“Majlis membolehkan pemimpin bertemu dan beramah mesra dengan rakyat di Terengganu tanpa mengira latar belakang.

“Kita berkumpul bersama dalam suasana harmoni dan membina jalinan perpaduan bersama,” katanya.

Johari berkata majlis berkenaan membolehkan rakyat Terengganu mengenali fungsi dan per-

khidmat Kementerian Perladangan dan Komoditi (KPK) secara lebih dekat melalui maklumat dan pameran interaktif disediakan.

“Antara perkhidmatan kaunter disediakan termasuk khidmat nasihat berkaitan sektor Agrikomoditi dan promosi program pembangunan kapasiti serta modal insan,” katanya.

Terdahulu, Anwar mengadakan perjumpaan tertutup bersama Ahmad Samsuri dan menghadiri taklimat berhubung pembangunan negeri Terengganu di Wisma Darul Iman, di sini.

Ketibaan Perdana Menteri pada jam 3.37 petang disambut Ahmad Samsuri, Fadillah dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Seri Tengku Farok Hussin Tengku Abdul Jalil.

Mengiringi Anwar ke taklimat itu ialah Menteri Ekonomi Rafizi Ramli, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, Johari serta barisan exco kerajaan negeri.